

TERMA RUJUKAN

JAWATANKUASA KECIL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

**Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
(Peringkat Pusat Tanggungjawab)**

Kandungan

1.0	PENGENALAN	1
2.0	PUNCA KUASA	1
3.0	KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KECIL	1
4.0	MESYUARAT.....	2
5.0	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UMUM JAWATANKUASA KECIL.....	2
6.0	TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KHUSUS JAWATANKUASA KECIL MENGIKUT BIDANG.....	2

1.0 PENGENALAN

Persekitaran kerja yang selamat dan sihat merupakan suatu tuntutan moral dan juga kewajipan undang-undang. Persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat juga membawa pelbagai manfaat kepada organisasi seperti meningkatkan produktiviti dan motivasi pekerja. Dalam usaha mencapai tempat kerja yang selamat dan sihat, pengurusan perlu berusaha untuk mencari hazard dan mengambil tindakan yang sesuai bagi menghapus atau mengawal hazard sebelum ianya menyebabkan kemalangan kepada pekerja atau orang-orang selain daripada pekerja.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) diwujudkan bagi membantu pihak majikan di dalam hal-ehwal pengurusan hazard dan meminimakan risiko kemalangan. Keberkesanan JKKP ini dapat dipertingkatkan lagi dengan penglibatan lebih ramai anggota organisasi bagi sama-sama membantu dari segi masa, tenaga dan kemahiran bagi mencipta tempat kerja yang selamat dan sihat. Oleh kerana itu, Jawatankuasa Kecil Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JK Kecil) ditubuhkan bagi membantu memperkasakan lagi fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Induk di PTj-PTj yang mempunyai JKKP.

2.0 PUNCA KUASA

2.1 Seksyen 30 dan Seksyen 31 Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

2.2 Seksyen 20, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996.

3.0 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KECIL

3.1 Ahli-ahli JK Kecil boleh dilantik daripada kalangan kakitangan PTj yang bukan merupakan ahli JKKP Induk PTj.

3.2 Bilangan ahli JK Kecil hendaklah sekurang-kurangnya 2 orang dan tiada had bilangan maksimum.

3.3 Tempoh lantikan ditentukan oleh Ketua PTj melalui surat lantikan rasmi yang dikeluarkan oleh pengurusan PTj.

3.4 Penggantian ahli JK Kecil boleh dilakukan dengan kelulusan ketua PTj.

3.5 Semua pelantikan baru atau pertukaran ahli JK Kecil hendaklah dimaklumkan kepada UKKP secara emel atau melalui mesyuarat JKKP.

3.6 JK Kecil hendaklah diketuai oleh seorang wakil daripada ahli JKKP induk PTj.

4.0 MESYUARAT

4.1 Kekerapan dan kuorum mesyuarat/pertemuan diputuskan oleh ketua JK Kecil.

5.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UMUM JAWATANKUASA KECIL

5.1 Menjalankan pemerhatian aktiviti kerja dan pemeriksaan peralatan atau tempat kerja.

5.2 Membincangkan dengan seberapa segera hasil pemerhatian/pemeriksaan dengan ketua JK Kecil atau ahli JKKP PTj yang lain sekiranya terdapat isu atau masalah yang boleh mendatangkan implikasi kepada keselamatan dan kesihatan pekerja.

5.3 Menerima dan menyampaikan aduan berkaitan KKP kepada ketua JK Kecil.

6.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KHUSUS JAWATANKUASA KECIL MENGIKUT BIDANG

1) ERGONOMIK

a) Menjalankan pemerhatian kerja-kerja yang melibatkan ciri-ciri di bawah dan melaporkan butir-butir kerja kepada ketua JK Kecil.

i) Kadar pergerakan berulang kali anggota badan yang tinggi (Highly repetitive) seperti menaip, mengangkat, menggunakan tetikus, memandang paparan, penggunaan suatu peralatan dan seumpamanya.

ii) Menggunakan kekuatan anggota badan secara berlebihan.

iii) Kedudukan statik seperti duduk atau berdiri terlalu lama.

iv) Kedudukan kerja yang janggal (awkward) seperti membongkok, badan/tengkuk menyenget dan seumpamanya.

b) Menjalankan pemeriksaan terhadap peralatan seperti senarai di bawah, mengenalpasti sebarang masalah ketidaksesuaian (incompatibility) dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.

i) Kerusi dan meja

ii) Stesen kerja (tiada kerusi dan meja)

iii) Stesen komputer

iv) Peralatan tangan dan kaki

c) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu ergonomik dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.

d) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran ergonomik.

2) PENGENDALIAN MANUAL

- a) Menjalankan pemerhatian aktiviti kerja yang melibatkan kerja-kerja mengangkat barang berat/besar, mengenalpasti sebarang tindak-tanduk yang tidak selamat atau pelanggaran prinsip KKP dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- b) Menjalankan pemeriksaan terhadap peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja mengangkat/mengangkut (seperti troli dll), mengenalpasti sebarang kerosakan dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- c) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu pengendalian manual dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.
- d) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran pengendalian manual secara selamat.

3) PERSEDIAAN KECEMASAN

- a) Menjalankan pemeriksaan peralatan/kemudahan/maklumat keselamatan kebakaran seperti senarai di bawah, mengenalpasti sebarang ketiadaan/kehilangan/kerosakan/ tanda-tanda pincang tugas/fungsi dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
 - i) Alat pemadam api mudah alih
 - ii) Penggera pecah kaca (break glass alarm)
 - iii) Alat pengesan haba/asap
 - iv) Pemercik air (sprinkler)
 - v) Gelung pancur basah dan kering (wet and dry hose reel)
 - vi) Pintu rintangan api (fire door)
 - vii) Papan tanda KELUAR
 - viii) Lampu kecemasan
 - ix) Papan tanda mencari jalan keluar
 - x) Laluan tangga kecemasan
 - xi) Pili bomba
 - xii) Pelan pengungsian bangunan
 - xiii) Nombor-nombor talian kecemasan
- b) Memastikan penghuni bangunan keluar semasa kecemasan sebenar dan semasa latihan pengungsian bangunan (fire drill).
- c) Membantu menunjukkan jalan keluar kepada penghuni bangunan semasa kecemasan sebenar dan semasa latihan pengungsian bangunan (fire drill).
- d) Membantu penghuni bangunan yang kurang upaya untuk keluar bangunan semasa kecemasan sebenar dan semasa latihan pengungsian bangunan (fire drill).
- e) Menggunakan Garispanduan Persediaan Kecemasan UNIMAS sebagai rujukan utama.
- f) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu keselamatan kebakaran dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.
- g) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran keselamatan kebakaran.

4) KESELAMATAN ELETRIK

- a) Menjalankan pemerhatian kerja-kerja yang melibatkan penggunaan peralatan elektrik yang bahaya, mengenalpasti sebarang tindak-tanduk yang tidak selamat atau pelanggaran prinsip KKP dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- b) Menjalankan pemeriksaan terhadap peralatan elektrik (seperti lampu kalimantang, cerek elektrik, peti sejuk, ketuhar mikro dll) dan peranti elektrik (*extension, adaptor, suis, soket, palam dll*), mengenalpasti sebarang kerosakan atau tanda-tanda pincang tugas/fungsi dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- c) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu keselamatan elektrik dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.
- d) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran keselamatan elektrik.

5) KESELAMATAN MEKANIKAL/MESIN

- a) Menjalankan pemerhatian kerja-kerja yang melibatkan penggunaan mesin-mesin berbahaya seperti contoh tersenarai di bawah, mengenalpasti sebarang tindak-tanduk yang tidak selamat atau pelanggaran prinsip KKP semasa penggunaan mesin oleh kakitangan atau pelajar, dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
 - i) Mesin memotong
 - ii) Mesin menggerudi
 - iii) Mesin bertekanan tinggi
 - iv) Mesin kimpal
 - v) Mesin melarik
 - vi) Mesin mengisar/menghancur
 - vii) Mesin membancuh
 - viii) Mesin mencucuk
 - ix) Mesin mengasah
 - x) Mesin menggelek
 - xi) Mesin memasak/bersuhu tinggi
 - xii) Mesin mengangkat (selain lif)
- b) Menjalankan pemeriksaan terhadap mesin-mesin berbahaya, mengenalpasti sebarang ketiadaan/kehilangan/kerosakan peranti keselamatan dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- c) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu keselamatan mesin berbahaya dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.
- d) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran keselamatan mesin berbahaya.

6) KESELAMATAN BAHAN KIMIA

- a) Menjalankan pemerhatian kerja-kerja yang melibatkan penggunaan bahan kimia berbahaya (cecair dan gas), mengenalpasti sebarang tindak-tanduk yang tidak selamat atau pelanggaran prinsip KKP semasa penggunaan bahan kimia berbahaya oleh kakitangan, dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.

- b) Menjalankan pemeriksaan terhadap tempat penyimpanan bahan kimia berbahaya (botol/kabinet/silinder gas), mengenalpasti sebarang kerosakan/kepincangan, dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- c) Menjalankan pemeriksaan label bahan kimia, mengenalpasti ketiadaan/kehilangan/kerosakan dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- d) Menjalankan pemeriksaan *material safety data sheet*, *spill kit*, *safety shower* dan kotak *first aid*, mengenalpasti ketiadaan/kehilangan/kerosakan dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- e) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu keselamatan bahan kimia dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.
- f) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran keselamatan bahan kimia berbahaya.

7) KAWALAN VEKTOR DAN BIOHAZAD

- a) Menjalankan pemeriksaan tempat kerja, mengenalpasti masalah-masalah seperti senarai di bawah dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
 - i) Kehadiran tikus/lalat atau tanda-tanda kehadiran tikus/lalat
 - ii) Kehadiran anjing liar (terutamanya yang mempunyai tanda-tanda penyakit).
 - iii) Kehadiran haiwan berbisa atau tanda-tanda kehadiran haiwan berbisa (lebah, penyengat, ular, kala jengking dll).
 - iv) Tempat pembiakan nyamuk pembawa penyakit.
 - v) Tempat yang diliputi kulapok (mold) dengan teruk
- b) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu biohazard/penyakit bawaan haiwan dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.
- c) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran keselamatan biohazard/penyakit bawaan haiwan.

8) PENYIASATAN DAN PENCEGAHAN KEMALANGAN

- a) Menjalankan penyiasatan seberapa segera setelah menerima berita/laporan insiden yang berpotensi memudaratkan kakitangan PTj (kemalangan kecil atau kejadian nyaris).
- b) Mengisi borang penyiasatan insiden dan memajukan borang kepada UKKP dan ketua JK Kecil.
- c) Mencadangkan tindakan pencegahan kemalangan yang praktikal bagi mengelakkan insiden yang sama berulang.
- d) Memastikan tindakan pencegahan kemalangan yang diluluskan (sama ada di peringkat pengurusan atau JKKP PTj) dilaksanakan.

9) KEKEMASAN (5S)

- a) Menjalankan pemeriksaan tempat kerja, mengenalpasti masalah-masalah kekemasan tempat kerja atau pelanggaran prinsip-prinsip 5S dan melaporkan kepada ketua JK Kecil.
- b) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu kekemasan tempat kerja atau 5S dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.

- c) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesadaran, pengetahuan dan kemahiran kekemasan tempat kerja atau 5S.

10) PSIKOSOSIAL

- a) Mengenalpasti kakitangan PTj yang sedang mengalami gejala-gejala kemerosotan kesihatan mental seperti stres teruk, kemerosotan kemampuan berfikir (fatigue), kemurungan, berkelakuan ganas dan penyalahgunaan bahan terlarang
- b) Menerima aduan yang berkaitan isu-isu psikososial/kesihatan mental dan menyampaikan aduan tersebut kepada ketua JK Kecil.
- c) Menjalankan kegiatan meningkatkan kesadaran, pengetahuan dan kemahiran kesihatan mental.

11) KESELAMATAN BENGKEL SENI

- a) Rujuk tugas dan tanggungjawab JK Kecil Mekanikal/Mesin, Keselamatan Elektrik dan Keselamatan Bahan Kimia.